

MINAT PENTING DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN

Oleh: Muhammad Hidayat Mirza bin Shahrom, 1171270,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Hobi, kecenderungan, kesukaan dan kegemaran boleh dikategorikan di bawah satu perkataan iaitu 'minat'.

Tidak dinafikan, kita mesti mempunyai minat jika mahu berkarya, menulis, berniaga, berlakon, belajar dan mengajar.

Minat juga tidak datang sendiri kerana ia perlu dipupuk dalam melakukan sesuatu yang digemari dengan bersungguh-sungguh sehingga berhasil.

Minat sangat penting untuk memastikan keberkesanan perkara yang mahu dilakukan oleh seseorang individu.

Misalnya, jika kita ingin bergiat dalam bidang penulisan, maka kita perlu mempunyai minat dalam bidang yang mahu diceburi itu supaya tidak mudah putus asa dan bersemangat untuk meneruskannya.

Jika minat itu sudah ditanam dan diasah dalam diri seorang individu, setiap yang dilakukan akan menghasilkan keputusan yang sangat memuaskan.

Contohnya, minat dan kecenderungan kita menulis akan mendorong kita untuk menulis dan menerbitkan buku.

Kita juga tidak seharusnya memaksa orang lain melakukan sesuatu perkara yang mereka tidak minat kerana usaha itu akan berakhir dengan sia-sia.

Seorang anak muda bernama Iman Kamil pernah mendedahkan bahawa beliau sangat meminati bidang penyiaran dan mahu melanjutkan pengajian dalam jurusan itu.

Walau bagaimanapun, dia diterima untuk mengikuti jurusan pengaturcaraan permainan dalam talian.

Iman Kamil cuba memohon untuk menukar kursus dalam bidang penyiaran namun usahanya gagal.

Akhirnya, Iman Kamil membuat keputusan untuk tidak meneruskan pengajiannya bagi menceburi bidang yang diminatinya.

Dia juga menyatakan, tindakan itu bukan bermakna dia tidak minat belajar. Cuma, Iman Kamil terpaksa berbuat demikian kerana tidak dapat belajar dalam bidang yang diminatinya.

Keputusannya itu amat berbaloi kerana dia kini mampu menjana pendapatan yang sangat lumayan melalui YouTube.

Berdasarkan pengalaman Iman Kamil itu, kita dapat melihat bahawa minat adalah penting bagi menjamin kejayaan seseorang individu dalam setiap bidang yang diceburi.

Lakukanlah sesuatu dengan minat dan bukan semata-mata mengikut kata orang lain. Jangan jadi seperti lembu dicucuk hidung kerana kita yang menentukan perjalanan hidup sendiri, dan bukannya orang lain.

Ibu bapa juga seharusnya memahami minat anak-anak dan memberi galakan kepada mereka untuk mengasah bakat dan kemahiran dalam bidang yang digemari mereka.

Mungkin ibu bapa mengharapkan anak-anak menjadi saintis, doktor atau jurutera walhal mereka sebenarnya minat melukis, menulis atau bermain bola sepak.

Sedarlah bahawa anak-anak mempunyai potensi dan kecenderungan tersendiri. Mereka bukannya sekadar penyambung harapan untuk merealisasikan impian dan cita-cita ibu bapa.

